



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


15 OGOS 2021

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **1,665 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **105,102 kes**. Sebanyak sembilan (9) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu Kota Kinabalu dan Tawau masing-masing mencatatkan tiga (3) kes, dua (2) kes di Papar dan satu (1) kes di Lahad Datu . Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembahu 1,220 menjadikan jumlah kumulatif 88,196 orang. Seramai 5,268 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,141 orang di hospital, 4,081 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 38 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala lapan (8) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 159 orang dan 63 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon merah dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes positif COVID-19 Sabah pada hari ini ialah (1,665) kes iaitu penurunan sebanyak (87) kes berbanding (1,752) kes yang dicatatkan semalam (14 Ogos 2021).
- b. Tidak banyak perubahan dengan jumlah kes semalam walaupun ada penurunan (-87) secara keseluruhan. Penurunan kes hari ini dipengaruhi oleh penurunan ketara sejumlah (-229) kes di Kota Kinabalu. Tetapi ini bukan satu trend penurunan yang kekal kerana kes-kes baharu sentiasa turun naik setiap hari.
- c. Jumlah kes harian di Sandakan naik dua kali ganda ke (244) kes di mana 65.2% adalah melalui Saringan Kontak Rapat. Kes di Kinabatangan naik mendadak daripada (15) kes kepada (152) kes hasil saringan di kalangan penduduk yang membentuk Kluster Tangkuyan yang sendirinya menyumbang kepada (128) kes. Penampang berkurangan (-100) kes hari ini tetapi Papar menambah (+38) kes baharu. Kes baharu di Tuaran juga berkurangan sebanyak (-55) dan Keningau turun (-31). Tongod menambah (+21) kes hari ini, Tambunan (+18) dan Kota Belud (+21).
- d. Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama keseluruhan kes di Sabah dengan (915) kes atau 54.95%, Saringan Bergejala (390) kes atau 23.42% dan kes-kes daripada Kluster (226) kes atau 13.57%. Hampir 37% kes di Kota Kinabalu adalah daripada Saringan Bergejala, 31.4% di Tawau, 41.4% di Penampang dan 44.6% di Tuaran.
- e. 24.2% atau (386) kes daripada semua pesakit hari ini adalah dalam Kategori 1, 45.1% atau (751) kes dalam Kategori 2 dan 31% atau (517) kes masih dalam siasatan. Lapan (8) kes dalam Kategori 3, dua (2) kes dalam kategori 4 dan hanya satu (1) kes dalam kategori 5.

- f. Sehingga semalam (14 Ogos 2021), 45.4% atau (1,251,184) orang daripada semua penduduk dewasa Sabah telah pun memperolehi satu dos suntikan vaksin dan 21.7% atau (599,823) orang telah melengkapkan suntikan dua dos. Peratusan penerima dua dos lengkap di jangka bertambah minggu hadapan apabila lebih ramai penduduk akan memperolehi dos kedua mereka.
- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (915) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

## ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	226	13.57%
2	Bergejala	390	23.42%
3	Kontak	915	54.95%
4	Bersasar	35	2.10%
5	Lain-lain	99	5.95%
<b>JUMLAH</b>		<b>1,665</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (14 Ogos 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 14/08/2021	Catatan Kes 15/08/2021	Perbandingan
1	Kinabatangan	15	152	+137
2	Sandakan	113	244	+131
3	Papar	69	107	+38
4	Kota Belud	55	76	+21
5	Tongod	23	44	+21
6	Tambunan	16	34	+18
7	Nabawan	1	18	+17
8	Telupid	11	25	+14
9	Beluran	33	46	+13
10	Kota Marudu	13	23	+10
11	Ranau	6	16	+10
12	Tenom	8	13	+5
13	Kunak	6	8	+2
14	Kota Kinabalu	436	207	-229
15	Penampang	228	128	-100
16	Tuaran	111	56	-55
17	Beaufort	54	18	-36
18	Keningau	100	69	-31
19	Tawau	261	245	-16
20	Kudat	18	3	-15
21	Putatan	40	30	-10
22	Lahad Datu	43	34	-9
23	Pitas	11	2	-9
24	Sipitang	36	29	-7
25	Kalabakan	25	22	-3
26	Kuala Penyu	4	1	-3
27	Semporna	16	15	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>1,752</b>	<b>1,665</b>	<b>-87</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (01 Ogos – 14 Ogos)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Tawau	0	155	77	4	9	245	2,272
Sandakan	29	159	38	0	18	244	1,308
Kota Kinabalu	0	112	76	7	12	207	4,282
Kinabatangan	138	14	0	0	0	152	506
Penampang	0	74	53	0	1	128	1,898
Papar	0	73	33	0	1	107	899
Kota Belud	0	66	9	0	1	76	674
Keningau	1	51	14	0	3	69	954
Tuaran	0	28	25	1	2	56	1,425
Beluran	0	20	1	0	25	46	447
Tongod	28	12	4	0	0	44	262
Lahad Datu	11	12	8	0	3	34	299
Tambunan	0	34	0	0	0	34	129
Putatan	0	17	12	0	1	30	459
Sipitang	0	3	3	23	0	29	438
Telupid	0	19	4	0	2	25	374
Kota Marudu	0	19	1	0	3	23	242
Kalabakan	0	4	18	0	0	22	242
Beaufort	0	9	8	0	1	18	644
Nabawan	0	14	2	0	2	18	70
Ranau	16	0	0	0	0	16	256
Semporna	0	3	0	0	12	15	91
Tenom	3	9	1	0	0	13	270
Kunak	0	4	1	0	3	8	235
Kudat	0	2	1	0	0	3	160
Pitas	0	1	1	0	0	2	118
Kuala Penyu	0	1	0	0	0	1	117
<b>JUMLAH</b>	<b>226</b>	<b>915</b>	<b>390</b>	<b>35</b>	<b>99</b>	<b>1,665</b>	<b>19,071</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Keningau	Kluster Batu 27 Sook	1
Tenom	Kluster Sibulu	3
Ranau	Kluster Gunsapau	3
	Kluster Paka Kawiyan	13
Sandakan	Kluster Lebuh Empat	29
Lahad Datu	Kluster Segama Batu Satu	11
Tongod	Kluster Jalan Corak	28
Kinabatangan	Kluster Pauh	10
	Kluster Tangkuyan	128
<b>JUMLAH</b>		<b>226</b>

6 Terdapat **tiga (3) kluster baharu** direkodkan hari ini.

i **Kluster Segama Batu Satu - Lahad Datu** merupakan kluster tempat kerja yang berlaku di sebuah syarikat perusahaan tayar. Kes indeks adalah pekerja lelaki, bukan warganegara, 40, yang didapati positif COVID-19 (RTK-Ag) hasil saringan tempat kerja pada 12 Ogos 2021 di sebuah klinik swasta. Punca jangkitan masih dalam siasatan namun risiko jangkitan didapati tinggi seperti keadaan rumah kongsi yang sesak serta aktiviti sosial dalam kalangan pekerja setiap petang. Semua kes positif COVID-19 dalam kluster ini telah dirujuk ke Hospital Lahad Datu untuk rawatan lanjut dan pengasingan di PKRC Lahad Datu. Kes kontak rapat telah diarahkan untuk menjalani kuarantin di pusat kuarantin PPR Sri Sapagaya, Lahad Datu. Daripada 39 kontak yang disaring, 18 individu dikesan positif termasuk 11 kes baharu hari ini. Manakala, 21 individu pula didapati negatif saringan pertama.

- ii **Kluster Paka Kawiyan - Ranau** melibatkan penularan jangkitan COVID-19 dalam komuniti akibat kegagalan individu yang tidak mematuhi arahan kuarantin. Malah, hasil siasatan mendapati kes indeks, wanita, 32, yang disahkan positif RT-PCR hasil saringan rentas negeri hari ke-10, telah berinteraksi dengan penduduk kampung di sebuah kawasan kebun getah ketika cuba mendapatkan akses talian internet. Hasil beberapa siri saringan kontak rapat pada 29 Julai hingga 14 Ogos 2021, terdapat pertambahan bilangan kes dalam kalangan kontak rapat dan kontak sosial kes indeks. Daripada 132 orang yang disaring, kluster ini merekodkan 41 kes positif COVID-19 termasuk 13 kes baharu pada hari ini.
- iii **Kluster Tangkuyan - Kinabatangan** adalah penularan jangkitan dalam komuniti. Kes indeks merupakan kerani wanita, 27, di sebuah ladang sawit di Beluran dan disahkan positif RTK-Ag (keputusan positif 63%) dalam saringan tempat kerja pada 9 Ogos 2021. Berikutan positif COVID-19, kes indeks telah dirujuk ke Hospital Kinabatangan untuk rawatan selanjutnya. Hasil siasatan mendapati kes indeks mempunyai sejarah menghadiri upacara pengebumian ahli keluarga di Kg Tangkuyan, Kuamut. Aktiviti siasatan kontak seterusnya mendapati seramai 128 kontak keluarga, sosial dan tanggungan telah didapati positif COVID-19. Sebanyak 129 kes positif termasuk 128 kes baharu direkod dalam kluster ini. Aktiviti siasatan, persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan di lapangan untuk menilai sebaran jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas kepada penduduk kampung berdekatan.

7

Jumlah kapasiti katil 7,349 unit

- Hospital 1,243 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,934 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 1,172 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 71.57%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 15 OGOS 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1,616
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	21
Orang Dalam Tahanan /Banduan	28
<b>Jumlah</b>	<b>1,665</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Perak	12
Selangor	7
Johor	1
Negeri Sembilan	1
<b>Jumlah</b>	<b>21</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,409
Bukan Malaysia	256
<b>Jumlah</b>	<b>1,665</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	420
Belum Menerima Vaksin	774
Menerima 1 Dos	308
Lengkap 2 Dos	163
<b>Jumlah</b>	<b>1,665</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	14
1 to 5	134
6 to 17	272
18 to 59	1094
>60	151
<b>Jumlah</b>	<b>1,665</b>

## C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 15 Ogos 2021)
1	Tawau	24
2	Kota Kinabalu	23
3	Tuaran	12
4	Beaufort	5
5	Penampang	5
6	Sipitang	4
7	Beluran	3
8	Keningau	3
9	Kota Belud	3
10	Papar	3
11	Tenom	3
12	Kinabatangan	2
13	Kota Marudu	2
14	Kunak	2
15	Ranau	2
16	Kudat	1
17	Nabawan	1
18	Putatan	1
19	Tambunan	1
20	Telupid	1
<b>JUMLAH</b>		<b>101</b>

## D PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Empat (4) lokaliti di Kota Belud, Sabah - <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Mantanau</li> <li>• Kampung Pirasan Ulu</li> <li>• Kampung Suang Punggur</li> <li>• Kampung Tambulaung</li> </ul>	17 Ogos 2021	30 Ogos 2021

2.	Taman Megah Jaya, Tawau, Sabah (Lorong Megah 2,3, 9, dan 10)	17 Ogos 2021	30 Ogos 2021
----	---	--------------	--------------

## E PELANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, PKPD akan **DILANJUTKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Kampung Tagibang, Kota Marudu, Sabah	16 Ogos 2021	Dilanjutkan dari 17 Ogos 2021 sehingga 30 Ogos 2021

## F PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Ladang Agathis, Kalabakan, Sabah	20 Julai 2021	Ditamatkan pada 16 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
2.	Kampung Bakalau, Beaufort, Sabah	20 Julai 2021	Ditamatkan pada 16 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
3.	Kampung Nosoob, Penampang, Sabah	20 Julai 2021	Ditamatkan pada 16 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan

4.	Perumahan Ladang Hibumas, Sungai-Sungai, Beluran, Sabah	3 Ogos 2021	Ditamatkan pada 16 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
5.	Kampung Gusung, Kota Kinabalu, Sabah	20 Julai 2021	Ditamatkan pada 16 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan

## G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **18,102** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,210,980 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **27,423** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 549,686 orang.

## H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **411,752** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 152 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 33,653 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 314 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 63 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 10 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Satu (1) Orang : Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - Tiga (3) Orang : Rentas Negeri/Daerah Tanpa Kebenaran
  - Tiga (3) Orang : Tiada Penjarakan Sosial
  - Satu (1) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
  - Dua (2) Orang : Gagal Menyediakan Peralatan Bagi Merekod Butiran Diri Pelanggan/ Scan Suhu Dan Sanitizer
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 89 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 39 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1,063 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
  - ii Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
  - iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 236 premis perniagaan dan 370 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan susun atur kerusi meja *Dine-In* di luar premis di Restoran Amin Maju, Plaza Juta Likas (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 276 Premis Perniagaan melibatkan 155 anggota APM. Sebanyak sembilan (9) Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikuti SOP.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 161 anggota di 215 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 40 premis, melibatkan 14 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 109 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 249 hebahan di seluruh Sabah.

**J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tuaran	96%
2	Kudat	96%
3	Kunak	96%
4	Beaufort	96%
5	Tenom	95.5%
6	Semporna	95.5%
7	Sipitang	95.5%
8	Sandakan	95.5%
9	Kota Marudu	95.5%
10	Papar	95.5%
11	Kinabatangan	95.5%
12	Kota Belud	95.5%
13	Penampang	95.5%
14	Tawau	95%
15	Kota Kinabalu	95%
16	Ranau	95%
17	Lahad Datu	95%
18	Beluran	95%
19	Keningau	95%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#MenangBersama**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**